



MAHATHIR  
MOHAMAD

# Kenapa saya pulangkan kereta Proton - Dr. M

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan beliau memulangkan tujuh kereta Proton kepada pihak pengurusan syarikat itu setelah selesai memandu uji semua kenderaan berkenaan.

"Kereta-kereta itu dihantar kepada saya untuk dipandu uji

tanpa disertakan dengan dokumentasi yang rasmi.

"Setelah diuji, saya pulangkan semula kepada mereka. Kereta ini milik Proton, bukan milik saya.

"Saya pun tidak memerlukan terlalu banyak kereta," kata bekas Perdana Menteri itu kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan bertajuk: *Pemikiran Seorang Pemikir*, di seminar anjuran The International

Islamic University on Thinking di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar *The Star* hari ini mengenai tindakannya memulangkan tujuh kenderaan Proton yang diberikan kepadanya.

Laporan akhbar itu menyebut Dr. Mahathir "amat kecewa" dengan perkembangan yang berlaku dalam Proton, termasuk penamatan perkhid-

# Kenapa saya pulangkan kereta Proton — Dr. M

matan ketua pegawai eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dan isu berkaitan Permit Import.

Kereta disebut termasuk dua Proton Waja, VW Touareg dan VW Phaeton digunakan Dr. Mahathir dan kakitangannya, dihantar ke ibu pejabat Proton di Shah Alam baru-baru ini.

Mengenai prestasi kereta yang telah beliau pandu uji itu, Dr. Mahathir berkata: "Sesetengahnya bagus. Saya tidak pasti bagaimana yang lainnya."

Menurutnya, sehingga kini beliau memiliki sebuah kereta Proton Saga yang dimilikinya sejak bertahun-tahun lalu.

Mengenai dakwaan bahawa tindakannya memulangkan ken-

deraan itu sebagai menggambarkan beliau tidak berpuas hati dengan pengurusan Proton, Dr. Mahathir berkata: "Mereka boleh melihat (perkara ini) dalam apa cara yang mereka ingini."

Menurutnya, beliau tidak mengetahui apa yang berlaku dalam pengurusan Proton ketika ini dan hanya boleh memberi nasihat sekiranya memiliki pengetahuan mengenai apa yang berlaku.

Dr. Mahathir turut memberitahu bahawa beliau masih memegang jawatan sebagai Penasihat Proton.

"Ya, saya masih lagi penasihatnya, setahu sayalah," katanya.